

- (i) **Tajuk : “PENYEWAAN TAPAK KOSONG MILIK MPSP DI ATAS PT21, MUKIM 6, JALAN BERTAM 2, SEBERANG PERAI UTARA”**
- (ii) **Syarat-syarat utama permohonan :-**
- (a) Permohonan ini terbuka kepada mana-mana warganegara Malaysia yang berusia 21 tahun dan ke atas atau syarikat-syarikat yang berminat dan hendaklah tidak berstatus muflis;
  - (b) Pemohon-pemohon yang layak bolehlah memohon secara bertulis (tiada borang disediakan) kepada MPSP untuk menyewa keseluruhan tapak kosong MPSP ini dengan menyatakan kadar sewaan, tujuan sewaan, tempoh sewaan dan jumlah anggaran pelaburan serta perincianya;
  - (c) Tiap-tiap pemohon mestilah menyerahkan permohonan yang telah lengkap diisi dan ditandatangani serta diletakkan ke dalam satu sampul surat yang dimaterai. Permohonan tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti menerima permohonan yang disediakan di Kaunter Berpusat MPSP bermula pada **2 April 2018 hingga 2 Mei 2018 (sebelum jam 12 tengahari)**.
  - (d) Setiap pemohon perlulah mencatitkan perkataan 'Permohonan Untuk Menyewa tapak kosong MPSP di atas PT 21, Mukim 6, di Bertam, Seberang Perai Utara' di atas sebelah kiri sampul surat permohonan;
  - (e) Kadar sewa rezab yang ditetapkan ialah **RM6,500 sebulan + GST**;
  - (f) Jenis kegunaan tapak adalah seperti berikut:-
    - i. Pejabat;
    - ii. Pusat sukan;
    - iii. Kolej / Institusi pendidikan / pusat pendidikan;
    - iv. Hotel / motel / rumah rehat;
    - v. Restoran; dan
    - vi. Lain-lain kegunaan selari dengan Perancangan Struktur Negeri Pulau Pinang yang telah diwartakan untuk institusi.

**GAMBARFOTO**

**TAPAK KOSONG MILIK MPSP DI ATAS PT21,  
MUKIM 6,JALAN BERTAM 2, SEBERANG PERAI UTARA**



## PELAN TAPAK

### TAPAK KOSONG MILIK MPSP DI ATAS PT21, MUKIM 6,JALAN BERTAM 2, SEBERANG PERAI UTARA

